



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

## **SEMPENA**

**Majlis Perasmian  
Simposium Kejuruteraan Pertanian Tahun 2022**

**5 JULAI 2022 (SELASA)  
10.30 PAGI**

**DEWAN RAFLESIA  
HOTEL PALM GARDEN, PUTRAJAYA**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis,  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

**YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID**  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

**YANG BERUSAHA PUAN AZAH HANIM BINTI AHMAD**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI

**YANG BERBAHAGIA DATO' ZAHIMI BIN HASSAN**  
Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia

Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Agensi

Pegawai-Pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

YBhg. Dato-Dato, Datin-Datin

Rakan-rakan media

Para Pembentang Kertas Kerja dan peserta simposium

Tuan-tuan, puan-puan sidang hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) kerana menjemput saya untuk merasmikan **Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022**.
2. Saya difahamkan simposium dengan tema "**Revolusi Teknologi Kejuruteraan Pertanian ke Arah 4IR**" merupakan wacana perkongsian ilmu dan maklumat berkaitan pembangunan kejuruteraan pertanian di Malaysia yang melibatkan sumbangan kepakaran dan kerjasama daripada Jabatan dan Agensi serta pemain-pemain industri yang berkaitan.
3. Penganjuran program sebegini adalah selaras dengan teras utama **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)** yang menekankan kepentingan penerimgunaan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) melalui pemodenan dan pertanian pintar bagi meningkatkan produktiviti hasil pertanian negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sepanjang tempoh **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)**, MAFI akan **memberi tumpuan kepada agenda pemodenan sektor agromakanan** bagi meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara secara keseluruhannya.
5. Dalam hal ini, tentu sekali bidang kejuruteraan pertanian perlu diberi penekanan agar **terus kekal relevan dalam pembangunan sektor agromakanan negara melalui adaptasi teknologi terkini terutamanya aplikasi pertanian pintar dan teknologi 4IR.**
6. Penggunaan teknologi moden antara lainnya seperti **dron, sensor, robotic, internet kebendaan (IoT) dan Teknologi Pertanian Tepat (Precision Farming)**, menjadi elemen penting dalam kejuruteraan pertanian bagi meningkatkan produktiviti sistem makanan negara.
7. Melalui teknologi pertanian pintar, rantai bekalan makanan dapat **diuruskan dengan lebih mudah dan cekap selain memaksimumkan pengeluaran.**

Hadirin sekalian,

8. Menyedari kepentingan kejuruteraan pertanian dalam pembangunan sektor agromakanan negara, MAFI melalui Agrobank menyediakan pelbagai bentuk **dana dan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha agromakanan** yang berhasrat untuk memodenkan perusahaan masing-masing. Antaranya **RM60 juta ringgit di bawah Program Modenisasi Rantai Nilai Agromakanan** bagi membolehkan usahawan di sepanjang rantai nilai agromakanan mendapatkan peralatan dan teknologi berteraskan 4IR untuk terus meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan.
9. Baru-baru ini, **Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM800 juta ringgit** turut disediakan bagi menjamin kesinambungan aktiviti pengeluaran makanan. Program DPAKM ini menawarkan kemudahan pembiayaan yang khusus dan menarik merentasi semua subsektor agromakanan termasuk untuk usahawan mikro baharu dan usahawan muda.
10. Selain itu, **kolaborasi strategik dengan Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC)** turut terjalin bagi menghimpunkan pakej solusi

**teknologi tempatan** seperti aplikasi IoT untuk diperkenal dan dipromosikan kepada pemain industri.

11. Sebelum ini, kita telah melihat kejayaan daripada projek rintis seperti projek tanaman cili fertigasi pintar yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Selangor dengan kerjasama MDEC. **Kejayaan seumpama ini mesti dipertingkatkan bilangannya dan disebarluas meliputi semua subsektor agromakanan termasuk tanaman, ternakan, perikanan dan akuakultur.**
12. Di samping itu, **kajian penyelidikan dan pembangunan teknologi dalam sektor agromakanan juga sedang giat dijalankan**, bukan sahaja oleh agensi penyelidikan kerajaan, namun turut melibatkan inisiatif pihak swasta termasuk pemain industri dan pembekal teknologi.
13. Penyertaan **syarikat-syarikat pembekal teknologi serta pelaburan dalam dan luar negara bagi membangunkan teknologi pertanian turut digalakkan oleh MAFI** dalam usaha mentransformasikan sektor agromakanan negara.
14. **Pelaburan yang besar dalam pembangunan teknologi agromakanan** difokuskan kepada aktiviti berikut agar adaptasi penggunaan teknologi dapat ditingkatkan:
  - i. Pertama, **pengukuhan infrastruktur dan jaringan telekomunikasi** yang menyokong penggunaan teknologi 4IR di lapangan;
  - ii. Kedua, **peningkatan literasi digital dalam kalangan golongan sasar** melalui program latihan, pepadanan perniagaan, dan promosi;
  - iii. Ketiga, **mengintegrasikan teknologi sedia ada termasuk mekanisasi dan automasi** ke dalam bentuk digital dengan menggalakkan pembangunan sistem serta aplikasi;
  - iv. Keempat, **mengkomersilkan hasil R&D teknologi pertanian** agar produk-produk ini dapat dimanfaatkan dan diaplikasi di lapangan;
  - v. Kelima, **membangunkan sistem berpusat *Agrofood Open Data Platform*** bagi sektor agromakanan; dan
  - vi. Ketujuh, **menambahbaik peluang pembiayaan bagi perolehan produk teknologi 4IR** oleh golongan sasar.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

15. Besar harapan saya, melalui penganjuran Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 ini, kolaborasi yang terjalin antara sektor kerajaan dan sektor swasta dapat terus diperkukuhkan supaya **agenda pemodenan sektor agromakanan dapat diperkasakan demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.**
16. Di kesempatan ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh jawatankuasa, para pembentang kertas kerja dan seluruh peserta yang terlibat dalam menjayakan simposium ini.
17. Dengan kata-kata itu, **SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN, SIMPOSIUM KEJURUTERAAN PERTANIAN BAGI TAHUN 2022.**

Sekian, terima kasih.